

**NO SOALAN :15****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD  
(LANGKAWI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 31.07.2017**

**Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD [ LANGKAWI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah ada perancangan Kerajaan bagi menjadikan Pulau Langkawi sebagai sebuah Pusat Kewangan Luar Pesisir seperti Pulau Labuan memandangkan Langkawi mempunyai semua infrastruktur yang sesuai untuk perkembangan tersebut seperti pulau bebas cukai, capaian Internet berkelajuan tinggi (termasuk fiber optik), mempunyai infrastruktur yang lengkap seperti lapangan terbang bertaraf antarabangsa, pelabuhan dan lain-lain.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak ditubuhkan pada tahun 1990, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) terus menerajui pembangunan pelancongan di Langkawi sehingga dinobatkan sebagai antara 10 pulau dan destinasi eko-pelancongan terbaik dunia. Melalui Blueprint Pelancongan Langkawi yang dilancarkan pada tahun 2011, LADA terus membangunkan Langkawi melalui 3 teras utama iaitu pelancongan, pembangunan komuniti dan pelaburan.

Pelaburan yang diusahakan oleh LADA adalah berfokuskan kepada pendidikan tinggi, eko-pelancongan, pembangunan hotel mewah, *health & wellness* dan *nautical tourism*. LADA mempergiatkan usaha untuk menarik pelabur tempatan dan asing berdasarkan 5 aspek utama iaitu untuk menjana pelaburan sebanyak RM5 bilion, membuka 6,000 peluang pekerjaan baharu, mewujudkan 300 perusahaan kecil dan sederhana, mensasarkan 5 juta kedatangan pelancong serta pendapatan pelancongan sebanyak RM9 bilion menjelang tahun 2020.

Pengisytiharan Langkawi sebagai Pulau Bebas Cukai mulai 1 Januari 1987 telah merancakkan pembangunan ekonomi dan kemasukan pelabur ke Langkawi. Meskipun begitu, pada ketika ini, Kerajaan tiada perancangan untuk menjadikan Langkawi sebagai

sebuah Pusat Kewangan Luar Pesisir. Perancangan pembangunan Langkawi kekal menjurus kepada pembangunan pelancongan memandangkan Labuan telah pun dibangunkan sebagai pusat perniagaan dan kewangan luar pesisir yang utama di Malaysia.